

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-10**  
**(Karya Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali)**  
**Kuliah Maghrib Abu Zulfiqar Al-Amsyari kali ke-94 di Surau An-Nur**

**TAJUK : ILMU-ILMU YANG FARDHU 'AIN**

Menurut Abu Talib al-Makki (tokoh tasawuf tersohor sebelum zaman Imam al-Ghazali), ilmu yang menjadi fardhu a'in ialah ilmu tentang 5 perkara Rukun Islam.

Ilmu mu'ammalah yang mesti dipelajari oleh orang dewasa yang berakal ada 3 bahagian:

1. Aqidah
2. Perkara-perkara yang kena buat.
3. Perkara-perkara yang tidak boleh dibuat.

**AQIDAH**

Bilakah mengucap 2 kalimah syahadah menjadi fardhu 'ain?

1. Apabila seseorang itu sudah baligh.
2. Apabila seseorang itu masuk Islam.

Memadai dengan dia mengakui/ percaya isi asas 2 Kalimah Syahadah itu.

Kata Al-Ghazali:

“Dan tidak diwajibkan kepadanya, untuk berhasil menyingkapkan bagi dirinya dengan pemikiran, perbahasan dan penguraian dalil-dalil. Tetapi cukuplah sekadar ia membenarkan dan meyakini benar-benar, dengan tak bercampur keraguan dan kebimbangan hati. Hal itu mungkin berhasil dengan semata-mata bertaklid dan mendengar tanpa perbahasan dalil. Kerana Rasulullah saw mencukupkan dari orang-orang Arab itu dengan membenarkan dan mengakui tanpa mempelajari dalil.” Ms 79

**PERKARA-PERKARA YANG KENA BUAT**  
**(Wajib dipelajari apabila tiba waktunya)**

Jika orang itu tadi hidup sampai masuk waktu solat, dia wajib pula belajar cara bersuci dan bersolat.

Jika dia hidup sampai bulan Ramadhan, wajib pula belajar ilmu berpuasa.

Jika dia seorang yang layak mengeluarkan zakat, wajib pula belajar tentang zakat.

Ibadah haji? Boleh ditangguhkan kerana masa untuk melaksanakannya masih panjang.

Kata Imam Al-Ghazali:

“Apabila datang bulan haji, tidaklah wajib ia bersegera mempelajari pengetahuan haji, kerana mengerjakannya adalah dalam waktu yang lama. Dari itu tidak diwajibkan mempelajarinya cepat-cepat.”

“Tapi sayugialah bagi ulama Islam memperingatkannya bahawa haji itu suatu kewajiban yang lama, atas tiap-tiap orang yang mempunyai perbekalan dan kenderaan. Apabila ia memiliki barang-barang tersebut, maka mungkin timbul hasrat dalam hatinya hendak menyegerakan menunaikan ibadah haji itu.”

“Maka ketika itu, bila hasrat telah timbul, maka haruslah ia mempelajari cara mengerjakan haji. Dan tidak harus, selain mempelajari rukun dan wajibnya, tidak sunatnya. Sebab bila mengerjakannya sunat, maka mempelajarinya sunat pula. Dari itu tidaklah menjadi fardhu a'in mempelajarinya.”

## **PERKARA2 YANG TIDAK BOLEH DIBUAT**

(Wajib dipelajari mengikut keadaan. Ia berbeza, mengikut keadaan seseorang)

Kata Al-Ghazali: “Dan demikian itu berbeza menurut keadaan orang. Kerana tidaklah wajib atas orang bisu mempejarai kata-kata yang diharamkan. Tidaklah atas orang buta mempelajari apa-apa yang haram dari pemandangan.” Ms 81

**Contoh perkara-perkara yang sedang berlaku padanya:** Seorang lelaki baru masuk agama Islam dalam keadaan memakai sutera, bekerja sebagai perompak, suka melihat wanita-wanita mendedahkan aurat di jalanan dan sebagainya, wajiblah diajarkan kepadanya bahawa perkar-perkara itu haram dilakukan.

### **Contoh perkara yang bakal berlaku padanya:**

Makan dan minum. Wajib diajarkan makanan dan minuman yang haram.

Perkara-perkara yang merosakkan diri iaitu sifat-sifat mazmumah. Menghilangkan sifat-sifat ini adalah fardhu 'ain. Antaranya takbur, 'ujub, riya' dan lain-lain.

Kata Al-Ghazali: “Menghilangkan sifat-sifat tadi adalah fardhu 'ain. Dan tidak mungkin menghilangkannya, kecuali dengan mengetahui batas-batasnya, sebab-sebabnya, tanda-tandanya dan cara mengubatnya. Orang yang tidak mengetahui sesuatu kejahatan, akan terperosok ke dalamnya.” Ms 83